




Jalur Gemilang

SIMBOL MERDEKA



Bulan Ogos tahun ini, genaplah 66 tahun Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sebagai Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum ditakluki dan dijajah oleh bangsa Eropah, Semenanjung Tanah Melayu diperintah secara bersendirian oleh Raja-raja Melayu.

Penajahan Semenanjung Tanah Melayu bermula dengan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 dan berterusan selama 446 tahun hinggalah pada 31 Ogos 1957.

Malaysia wujud enam tahun selepas itu apabila tanah-tanah jajahan Inggeris di Asia Tenggara, iaitu Singapura, Sarawak dan Borneo Utara menyertai Persekutuan Tanah Melayu bagi menubuhkan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Singapura berpisah dari Malaysia pada 7 Ogos 1965.

Saya berusia 10 tahun lapan hari apabila detik kemerdekaan diisytiharkan. Pada pagi 31 Ogos, murid dan guru

Sekolah Melayu Pendang berhimpun di padang sekolah bagi menurunkan bendera *Union Jack*, iaitu bendera United Kingdom dan menaikkan bendera Malaya merdeka.

Bendera kebangsaan kita itu direka oleh seorang arkitek Melayu bernama Mohamed Hamzah (1918–1993) yang mengambil bahagian dalam satu pertandingan pada tahun 1949. Mengikut cerita, Mohamed yang pada waktu itu berusia 29 tahun bekerja di Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor.

Pejuang kemerdekaan dan pengasas UMNO, Almarhum Dato' Onn Jaafar, dikisahkan telah bertemu dengan Mohamed selepas memenangi pertandingan itu dan mencadangkan agar bintang pada bendera itu ditukar menjadi 11 mata bagi mewakili 11 buah negeri Tanah Melayu.



“Bila kita dah merdeka nanti, janganlah ada pemimpin ambil kesempatan buat kekayaan di atas belakang rakyat.”

– Sheikh Abdullah Fahim

Bendera itu diperkenalkan secara rasmi pada 26 Mei 1950 di majlis menaikkan bendera tersebut anjuran Pesuruhjaya Tinggi British di perkarangan Istana Sultan Selangor dengan dihadiri oleh Raja-raja Melayu. *Jalur Gemilang* pula lahir pada tahun 1997, apabila rakyat Malaysia dijemput oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad, bagi memberikan nama bendera negara itu.

Beberapa tahun selepas merdeka, apabila saya mula membaca akhbar dan majalah hal ehwal semasa, saya terbaca cerita mengenai pemilihan 31 Ogos sebagai tarikh perisytiharan kemerdekaan.

Ikut cerita, apabila rundingan kemerdekaan selesai, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang ketika itu menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu, telah mengunjungi ulama terkenal, Almarhum Syeikh Abdullah Fahim Syeikh Ibrahim.

Abdullah Fahim yang tinggal di Kepala Batas, Seberang Perai, telah mencadangkan 31 Ogos sebagai tarikh yang baik dan sesuai untuk mengisytiharkan kemerdekaan. Sheikh Abdullah Fahim adalah nenekanda kepada Perdana Menteri Kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Lama selepas merdeka, saya baca buku karangan Mokhtar Petah bertajuk “Sheikh Abdullah Fahim Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara” terbitan Pustaka Antara.

Di dalamnya terdapat beberapa petikan mengenai nasihat Sheikh Abdullah Fahim kepada Tunku Abdul Rahman khususnya dan pemimpin Melayu-Islam amnya. Yang sangat menyentuh sanubari saya adalah: “Bila kita dah merdeka nanti,

janganlah ada pemimpin ambil kesempatan buat kekayaan di atas belakang rakyat.”

Satu lagi berbunyi: “Sesiapa yang berjuang dengan nama Allah SWT dan niat baik sentiasa dalam keredaan Allah SWT, tetapi sesiapa yang lupakan niat, khianat dan tamak akan dimurkai Allah SWT, akhirnya menjadi hina. Kalau orang Melayu (yang) beragama Islam mengkhianati bangsa, negara dan agama, Allah SWT akan gantikan (dengan) bangsa lain yang beragama Islam (bagi) menjaga tanah air kita.”

Saya cukup yakin yang setiap orang daripada kita, bermula daripada kanak-kanak taman asuhan, telah didedahkan kepada pelbagai pengalaman dan erti kemerdekaan. Bagi saya, satu lagi pengalaman kemerdekaan yang menjadi sebahagian hidup saya tentunya semasa mengibarkan *Jalur Gemilang*. Hal ini adalah antara contoh yang diajarkan kepada saya oleh ayah saya, Almarhum Jasim Tahir, seorang nasionalis dan pejuang kampung.

Boleh kata tidak ada waktu yang saya tidak kibarkan *Jalur Gemilang* di rumah saya. Bukan sekadar pada hari kebangsaan sahaja, malah sepanjang masa.

Dalam pengembaraan saya sebagai wartawan, saya kagum dengan semangat cinta akan negara dalam kalangan orang Eropah, Amerika Syarikat dan Amerika Selatan.

Boleh dikatakan setiap kediaman mengibarkan bendera kebangsaan. Prinsip mereka adalah “saya tidak suka kepada kerajaan saya, tetapi saya sayang negara saya”. Amat baik kalau kita boleh ikut prinsip dan contoh daripada mereka itu. □

